**JABATAN KETUA MENTERI**
*Chief Minister's Department*
Aras 28, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU, SABAH
MALAYSIA

Tel : +6088-369 900
Faks : +6088-211 016

**Rujukan : 1000-9/159 Klt.2( 90 )**
**Tarikh : 10 FEB 2021**

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

YBhg. Datuk / Tuan / Puan,

**PENGECUALIAN HAD UMUR BAGI PELANTIKAN SEMENTARA BULAN KE SEBULAN / KONTRAK (LANTIKAN POLITIK)**

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa had umur pelantikan pegawai perkhidmatan awam Negeri telah ditetapkan pada umur 58 tahun selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 1 Tahun 2011, Had Umur Bagi Lantikan Pegawai Sementara Dan Kontrak Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

3. Berdasarkan dengan Peraturan 340 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008, pemakaian pekeliling ini adalah **dikecualikan** bagi pelantikan pegawai di bawah Perwakilan Kuasa melalui Warta Kerajaan Bilangan S 2 Tahun 2018 iaitu pelantikan secara sementara dari sebulan ke sebulan atau secara kontrak di Pejabat dan di Rumah Kediaman Ketua Menteri, Timbalan-Timbalan Ketua Menteri, Menteri-Menteri dan Pembantu-Pembantu Menteri.

4. Walau bagaimanapun, peraturan pekeliling tersebut hendaklah terus dikuatkuasakan bagi pelantikan selain daripada yang disebutkan di atas.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**[ DATUK SERI PANGLIMA Dr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, J.P. ]**
Setiausaha Kerajaan Negeri

s.k. Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Tingkat 11, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
**88400 KOTA KINABALU**

**"SABAH MAJU JAYA"**